



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

(Company No. 902884V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 2: SUNGAI BULOH – SERDANG – PUTRAJAYA (SSP) adalah sejajar dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) Urban Rail Development Plan (URDP) iaitu Pelan Utama Pengangkutan Awam Lembah Klang yang menghubungkan koridor utara dan selatan dengan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur melalui rangkaian rel yang sedia ada. Jajaran SSP akan berfungsi sebagai sistem tulang belakang untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di sepanjang lebuh raya atau jalan-jalan ke arah koridor selatan di Lembah Klang. Ia akan menyediakan kemudahan yang baik kepada penumpang, terutamanya bagi kawasan tempat kerja, komersil, kediaman, pusat pendidikan dan rekreasi. Jajaran SSP akan melalui koridor yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan memberi tumpuan kepada kawasan persekitaran sedia ada yang kurang atau tidak mendapat liputan perkhidmatan pengangkutan awam seperti yang telah dikenal pasti dalam SPAD URDP. Ia akan menyediakan dan meningkatkan perhubungan awam untuk keperluan masa hadapan dan pertumbuhan pusat-pusat di sepanjang koridor melalui rel, perkhidmatan bas dan pengendali dengan berintegrasi untuk mewujudkan rangkaian masa depan termasuk Laluan LRT Ampang, Laluan LRT Kelana Jaya, KL Monorail, Laluan MRT SBK, KTM Komuter, Bas Pengantara, dan lain-lain.

Kerajaan telah melantik MASS RAPID TRANSIT CORPORATION Sdn Bhd (902884V) (MRT Corp.) sebagai Pemilik MRT Projek dan MMC GAMUDA KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd (1117100-V) sebagai Project Delivery Partner ("PDP") yang bertanggungjawab untuk melaksana dan menyiapkan sepenuhnya sistem Mass Rapid Transit (MRT) yang dikenali sebagai "PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 2: SUNGAI BULOH – SERDANG – PUTRAJAYA (SSP)".

MRT Corp mempelawa para kontraktor untuk mengambil bahagian dalam proses Pra-Kelayakan ini. Para kontraktor yang berminat diminta menyerahkan dokumen Pra-Kelayakan yang lengkap dengan maklumat-maklumat sokongan yang komprehensif. Pemohon perlu diingatkan bahawa penyertaan dalam proses Pra-Kelayakan ini tidak mengesahkan kelayakan untuk ke peringkat seterusnya iaitu Penyerahan Tender. Kesemua dokumen Pra-Kelayakan yang dihantar akan diteliti dan dinilai berdasarkan isi kandungan, kelengkapan serta kualiti dokumen. Hanya kontraktor-kontraktor yang disenarai pendek akan dihubungi untuk meneruskan permohonan ke peringkat seterusnya.

TAJUK PRA-KELAYAKAN & NO. PRA-KELAYAKAN	SYARAT-SYARAT PEMOHON			TAKLIMAT PRA-KELAYAKAN (MANDATORI)
	Kontraktor Tempatan	Syarikat Kepunyaan Asing	Syarikat Asing	
PRA-KELAYAKAN BAGI PAKEJ KERJA-KERJA SISTEM BAGI CADANGAN PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 2: SUNGAI BULOH – SERDANG – PUTRAJAYA (SSP) PRE-Q NO.: SSP-MRTC-GENE-OVPR-PRQ-00004 (a) SSP-SY-201 Signalling & Train Control System and Platform Screen Doors / Automatic Platform Gates	Berdaftar dengan: i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) <i>Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) and Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)</i> Gred : G7 Kategori : ME Pengkhususan : E13	(a) Ditubuhkan di Malaysia Salinan Borang 8 atau Borang 9 atau Borang 13 atau Borang 14A yang disahkan (jika ada) dan/atau (b) Berdaftar di Malaysia Salinan Borang 83 atau Borang 83A yang disahkan (jika ada) DAN Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Sijil Pendaftaran Sementara	Salinan Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh pihak berkuasa di negara asal	Tarikh Masa Tempat : Rabu, 29 Julai 2015 9.30 pagi Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd, Wisma MRT, Level 4, No. 21, Jalan Gelanggang, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia. Pemohon perlu mendaftar pada pukul 8.30 pagi sehingga 9.30 pagi. Maksimum 2 wakil daripada setiap pemohon dibenarkan hadir. Wakil dari pemohon yang berminat mestilah kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengalaman di dalam bidang kerja tender dan kontrak serta diberi kuasa oleh syarikat
	Berdaftar dengan: i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) <i>Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) and Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)</i> Gred : G7 Kategori : ME Pengkhususan : E13			
	Berdaftar dengan: i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) <i>Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) and Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Gred G7</i> Gred : G7 Kategori : ME			
(c) SSP-SY-203 Electric Trains and Depot Equipment	Berdaftar dengan: i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) <i>Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) and Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Gred G7</i> Gred : G7 Kategori : ME			

Dokumen Pra-Kelayakan boleh dibeli mulai 29 Julai 2015 sehingga 26 Ogos 2015 dari:

TEMPAT PENJUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN PRA-KELAYAKAN	WAKTU PENJUALAN DOKUMEN PRA-KELAYAKAN
Jabatan Perolehan Tingkat 6, Menara I & P1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.	Isnin Hingga Khamis: 9:00 Pagi – 12:30 Tengahari Dan 2:00 Petang – 5:00 Petang Jumaat: 9:00 Pagi -12:00 Tengahari Dan 3:00 Petang – 5:00 Petang

Pemohon dikehendaki menyerahkan dokumen seperti berikut:

- Dokumen Pra-Kelayakan yang telah lengkap beserta dokumen-dokumen sokongan yang komprehensif;
- Satu (1) dokumen asal dan satu (1) dokumen salinan di dalam fail (jenis 2 cincin) dengan pembahagi indeks bagi setiap bahagian; dan
- Satu (1) CD yang mengandungi salinan elektronik dalam format PDF dengan pembahagi indeks bagi setiap bahagian.

Permohonan untuk Dokumen Pra-Kelayakan mesti disertakan dengan Draf Bank atau 'Banker's Cheque' pada jumlah sebanyak **RM1,060.00 (termasuk 6% GST)** di atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd** dan tidak dikembalikan.

Dokumen Pra-Kelayakan yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan:

- Pre-Qualification for System Works Package : Signalling & Train Control System and Platform Screen Doors/Automatic Platform Gates for the Projek Mass Rapid Transit Laluan 2 : Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya; atau
- Pre-Qualification for System Works Package : Integrated Control Supervisory System and Computerised Maintenance Management System for the Projek Mass Rapid Transit Laluan 2 : Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya; atau
- Pre-Qualification for System Works Package : Electric Trains & Depot Equipment for the Projek Mass Rapid Transit Laluan 2 : Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya.

Tajuk mestilah ditulis / dicetak di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Pra-Kelayakan di **Bahagian Perolehan, seperti alamat diatas tidak lewat dari jam 12:00 tengah hari, 9 September 2015**

Selain dari syarat-syarat Pra-Kelayakan di atas, Pemohon **WAJIB** memenuhi Kriteria Mandatori seperti berikut:

KRITERIA MANDATORI			
Kontraktor prospektif yang memenuhi kriteria berikut dan berminat untuk menawarkan khidmat bagi melakukan kerja-kerja di atas adalah dijemput untuk menghantar dokumen-dokumen Pra-Kelayakan yang telah dilengkapi.			
	PAKEJ KERJA-KERJA SISTEM	KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN	PENGALAMAN KERJA
SSP-SY-201	Signalling & Train Control System and Platform Screen Doors or Automatic Platform Gates	a) Modal Berbayar atau Dana Pemegang Saham* (berdasarkan tahun kewangan terkini) mestilah tidak kurang daripada RM 30 Juta (Dengan syarat jumlah Dana Pemegang Saham adalah yang lebih tinggi antara keduanya). b) Nisbah Purata Keuntungan Bersih/Turnover dalam tempoh 5 tahun mestilah positif	a) Dalam tempoh sepuluh (10) tahun sebelum ini, telah berjaya menyiapkan dua (2) projek tanpa pemandu (GoA 4) yang sama; b) Sekurang-kurangnya satu (1) dari projek-projek di atas telah diuji 109 saat (atau lebih rendah) "service headway" mengikut jadual dan telah terbukti untuk tiga (3) tahun perkhidmatan; c) Sekurang-kurangnya salah satu dari projek di atas melibatkan penghijrahan dari sistem yang sedia ada kepada sistem yang baru; d) Mesti mempunyai pengalaman berintegrasi dengan kepelbagaian subsistem (CBI / ATP / ATS / ATO, PIDS, PAS, TVS, ICSS, PSD / APG, Rolling Stock, Communication, Track, Traction) dalam sekurang-kurangnya satu (1) projek CBTC; e) Pemohon atau subkontraktor yang ditetapkan mestilah pernah menyiapkan sekurang-kurangnya dua (2) projek "Platform Screen Doors / Automatic Platform Gates" yang sama dalam tempoh 10 tahun sebelum ini; f) Sistem PSD / APG yang dicadangkan hendaklah pernah digunakan dalam keadaan yang memuaskan untuk persekitaran "urban rail" sekurang-kurangnya dua (2) tahun.
SSP-SY-202	Integrated Control Supervisory System and Computerised Maintenance Management System	a) Modal Berbayar atau Dana Pemegang Saham* (berdasarkan tahun kewangan terkini) mestilah tidak kurang daripada RM 5 Juta (Dengan syarat jumlah Dana Pemegang Saham adalah yang lebih tinggi antara keduanya). b) Nisbah Purata Keuntungan Bersih/Turnover dalam tempoh 5 tahun mestilah positif	a) Dalam tempoh sepuluh (10) tahun yang lalu telah berjaya menyiapkan tiga (3) projek ICSS yang sama; b) Sekurang-kurangnya dua (2) dari projek di atas, pernah mempunyai peranan berintegrasi dengan pelbagai E&M, PS&DS dan lain-lain subsistem yang berada di OCC, Sisen dan Depot; c) Sistem yang dibekalkan hendaklah pernah digunakan dalam persekitaran keretapi / "urban rail" untuk sekurang-kurangnya dua (2) tahun.
SSP-SY-203	Electric Trains and Depot Equipment	a) Modal Berbayar atau Dana Pemegang Saham* (berdasarkan tahun kewangan terkini) mestilah tidak kurang daripada RM 140 Juta (Dengan syarat jumlah Dana Pemegang Saham adalah yang lebih tinggi antara keduanya). b) Nisbah Purata Keuntungan Bersih/Turnover dalam tempoh 5 tahun mestilah positif	Electric Trains: a) Dalam sepuluh (10) tahun sebelum ini, telah berjaya menyiapkan tiga (3) projek "urban rail" bersaiz besar yang sama sekurang-kurangnya 100 "cars" untuk setiap projek; b) Sekurang-kurangnya salah satu dari projek di atas adalah untuk Sistem Tanpa Pemandu; c) Sekurang-kurangnya dua (2) dari projek di atas adalah untuk Sistem Ret Ketiga; d) Sekurang-kurangnya dua (2) dari projek di atas melibatkan pembekalan Keretapi Elektrik ke negara asing; e) Mempunyai sistem berintegrasi ke atas kenderaan dari pembekal pihak ketiga (CBTC, Communication, etc); f) Pernah berpengalaman melaraskan dan menguruskan fasiliti pengumpulan di tempat yang terpencil untuk "rolling stock" sekurang-kurangnya satu (1) projek dalam tempoh sepuluh (10) tahun yang lalu; g) Mempunyai jumlah kemampuan pembuatan sekurang-kurangnya 500 "cars" dalam setahun. Depot Equipment: a) Dalam tempoh sepuluh (10) tahun sebelum ini, telah berjaya menyiapkan tiga (3) projek yang sama; b) Sekurang-kurangnya dua (2) dari projek di atas mempunyai peranan berintegrasi untuk pabagai peralatan depot beserta struktur depot dan fasiliti; c) Peralatan utama untuk depot seperti "Underfloor Wheel Lathe, Automatic Train Wash Plant, Lifting Jacks dan Bogie Press" mestilah pernah dibekalkan untuk dua (2) projek eksport.

- Nota:**
- Pra-Kelayakan ini mempelawa kontraktor-kontraktor yang berpengalaman serta berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan dan di bawah gred dan kategori seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan untuk Pra-Kelayakan buat masa ini.
 - Pra-Kelayakan ini terbuka kepada syarikat yang berpengalaman dan layak iaitu:-
 - Syarikat Tempatan yang berdaftar dengan CIDB Gred G7 dan mempunyai pengalaman projek keretapi yang berkaitan;
 - Syarikat Kepunyaan Asing yang ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai usaha sama dengan Syarikat Tempatan; dan
 - Syarikat Asing yang mempunyai usaha sama dengan Syarikat Tempatan.
 Setiap usaha sama atau konsortium mestilah tidak melebihi 3 syarikat individu tertakluk kepada syarikat individu tersebut tidak terdiri daripada syarikat Usaha sama atau Konsortium.
 *Modal Berbayar atau Dana Pemegang Saham bagi syarikat Usahasama/Konsortium akan dikira menggunakan kaedah purata wajaran.
 - Kehadiran ke taklimat Pra-Kelayakan seperti yang tertera di atas adalah diwajibkan.
 - Dokumen Pra-Kelayakan akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Pemohon boleh meneliti Dokumen Pra-Kelayakan sebelum membuat pembelian.
 - Kesemua pemohon mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
 - MRT Corp. **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen Pra-Kelayakan sebelum dan/atau selepas waktu yang telah ditetapkan.
 - Dokumen Pra-Kelayakan ini hanya akan dijual kepada wakil pemohon yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil pemohon **WAJIB** mengemukakan **Surat Pengesahan** sebagai wakil serta dokumen yang berkenaan yang 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN' oleh [Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A].
 - Pemohon adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Rui. (44) dm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005].
 - Sebarang pertanyaan berhubung dengan Pra-Kelayakan ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian **03-2095 2121** atau e-mail ke procurement@mymrt.com.my. Maklumat lanjut mengenai MRT boleh dilayari di laman web kami di www.mymrt.com.my.
 - MRT Corp. berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, meminta penjelasan selanjutnya dari mana-mana pemohon serta membatalkan proses Pra-Kelayakan ini dan menolak kesemua permohonan pada bila-bila masa tanpa menyatakan apa-apa sebab tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap pemohon yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.

www.mymrt.com.my

JOB NUMBER : S-9942-MRT-RA-UM
 MEDIA : UTUSAN MALAYSIA & BERITA HARIAN
 SIZE : 33cm x 8col(26.1cm)
 D.O.I : TBA

(Client's Approval)